

Isu gereja: Sultan akan beri nasihat hujung minggu, kata MB
The Malaysian Insider
September 28, 2011
Oleh Melissa Chi

SHAH ALAM, 28 Sept — Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim mahu semua pihak menunggu kerana Sultan Selangor akan menitahkan nasihat dan cara terbaik untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Gereja Methodist Damansara Utama.

Khalid berkata Sultan Selangor akan memberi nasihat dalam dua atau tiga hari lagi.

"Selaku ketua hal ehwal Islam negeri, (Sultan Selangor) akan menitahkan pandangan baginda dan memberi nasihat mengenai cara terbaik dalam isu ini.

"Kerajaan negeri Selangor akan patuh nasihat baginda," kata Khalid kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri hari ini.

Jais didakwa mengadakan serbuan Gereja Methodist Damansara Utama setelah mendapat maklumat adanya cubaan memurtadkan orang Islam pada satu majlis makan malam anjuran Komuniti Harapan.

Bagaimanapun, ia dinafikan oleh gereja itu dan Komuniti Harapan.

Jais menegaskan, ia hanya mengadakan pemeriksaan ekoran aduan kononnya ada usaha memurtadkan Muslim di gereja itu.

Khalid berkata beliau telah meneliti laporan penuh tetapi enggan mengatakan sama ada pentadbirannya menyokong tindakan-tindakan Jais.

"Kami yakin bahawa keputusan Sultan adalah yang terbaik bagi masyarakat pelbagai kaum dan agama selain mempertahankan kesucian Islam," kata beliau.

Ahad lalu, Khalid memberitahu keputusan berkenaan laporan lengkap itu diketahui selepas hari ini.

"Hanya selepas hari Rabu kerana biasanya pada setiap hari Rabu, saya akan menghadap Tuanku Sultan," kata Khalid.

Khalid berkata pada pertemuan setiap Rabu beliau dan Sultan Selangor akan membincangkan hal-hal seperti itu.

Laporan lengkap diserahkan oleh Jais kepada Pejabat Menteri Besar Isnin lalu.

Pada 25 Ogos lalu, Jawatankuasa Pendengaran yang dibentuk oleh kerajaan negeri Selangor telah mengadakan pertemuan dengan Jais dan wakil-wakil dari Harapan Komuniti yang menganjurkan majlis makan malam gereja berkenaan.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-gereja-sultan-akan-beri-nasihat-hujung-minggu-kata-mb/>